

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN BALAS YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI
BAGI PIHAK PENDERMA DI MAJLIS PENYAMPAIAN
BUNGKUSAN RAYA KEPADA MINDEF
PADA HARI SELASA, 20 JANUARI 1998
JAM 3.00 PETANG

Saya ucapkan terima kasih kerana dijemput hadir petang ini untuk bersama-sama menyumbangkan sedikit bungkusan kuih raya BAKTI kepada Angkatan Tentera kita sempena perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Idul Fitri tahun ini.

2. Saya sangka saya berdiri disini sebagai wakil BAKTI sahaja, tetapi penganjur meminta pula saya mewakili kesemua penderma yang hadir yang telah menyumbangkan bungkusan makanan dan lain-lain kepada MINDEF. Saya harap saya dapat membuat ucapbalas ini bagi pihak tuan-tuan dan puan-puan dengan berkesan.

3. Setiap negeri dalam dunia perlukan keamanan supaya rakyatnya dapat hidup dalam suasana aman damai. Keamanan mencerminkan keadaan di mana rakyat boleh hidup mesra tanpa ragu-ragu hati dan kacau-bilau antara sesama sendiri dan dengan jiran-jiran sekeliling. Kadang-kala ada salah faham di sana-sini yang perlu dibendung cepat supaya keamanan tidak terganggu. Kadangkala ada negeri-negeri lain mengambil kesempatan mencero bohi negeri orang lain dengan sebab-sebab tertentu. Ada juga keadaan di mana golongan rakyat sendiri mencetuskan sesuatu untuk berkuasa.

4. Oleh yang demikian, sesebuah negara itu perlu mengadakan pasukan keselamatan yang dipertanggungjawabkan khas untuk menjaga keselamatan negara supaya keamanan terus wujud.

5. Dalam negara kita sendiri, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia telah ditubuhkan untuk tujuan yang penting ini, iaitu menjaga keamanan dan ketenteraman awam. Anggota-anggota pasukan ini diambil dari masyarakat tempatan, dilatih hingga mereka berupaya mempertahankan diri, berdisiplin, berani menjalankan tugas-tugas yang berat ini. Bukan semua rakyat minat menjadi Anggota Tentera Malaysia, bukan ramai layak menjadinya tetapi negara perlukan golongan pasukan yang istimewa ini dari rakyatnya sendiri.

6. Mereka ditempatkan di dalam negeri, khususnya di sempadan-sempadan, di perairan dan di lautan. Dalam keadaan aman, mereka juga perlu sentiasa berjaga-jaga. Apatah lagi sekiranya keamanan kita terganggu oleh apa-apa jua sebab, baik dalam negeri atau unsur-unsur luar negeri, umpamanya peperangan, pencerobohan dan keganasan yang pada suatu ketika dahulu kita telah melalui dan mengatasinya.

7. Akibat tindakan ATM itu, negara berada dalam keadaan aman, selamat dan keadaan ini membolehkan negara membangun dan maju.

8. Seringkali harga yang perlu dibayar untuk mencapai keamanan dan keselamatan ini cukup tinggi sekali. Anggota Tentera yang bertugas membayar dengan pengorbanan nyawa mereka, tubuh badan mereka, keluarga mereka.

9. Kita rakyat Malaysia sedar dan bersyukur atas keadaan negara kita sekarang. Sungguhpun ekonomi tidak begitu baik dan nilai mata wang kita menurun tetapi perasaan kesyukuran dan terima kasih tidak kurang.

10. Itulah sebabnya kita berada disini. Bersama-sama dengan masyarakat am, kita penderma-penderma ingin mengenangkan jasa-jasa Anggota-anggota Tentera yang tidak dapat bersama meraikan perayaan Hari Kebesaran dengan keluarga mereka.

Wahai Wira-wira Negara
Terimalah penghargaan yang tidak terhingga
Kerana rela korban apa sahaja.
Taat setia setiap masa.

Sungguh jauh engkau pergi
Tinggal anak isteri di kasihi
Engkau tidak dilupai
Jauh dari mata tapi tetap dihati

Wahai Wira-wira bangsa
Sumbangan kami harap diterima
Berbanding dengan tanggungjawab yang mu ambil
Sumbangan ini terlalu kecil

Sempena mengucap Selamat Lebaran
Kami mendoakan dilindungi
Dari penyakit, mala bahaya
Oleh Allah Yang Maha Berkuasa

Selamat bertugas, tabahkan hati
Malaysia boleh, Malaysia berani
Demi agama, bangsa dan Negara
Nama mu harum oh Wira Negara

Gendang gendut tali kecapi
Ucapbalas setakat ini
Terima kasih Yang Berhormat Menteri
Bagi semua dan diri sendiri

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
